



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**CIRI-CIRI INSAN KAMIL DALAM TEKS
SULALATUS SALATIN BERDASARKAN
TEORI TAKMILAH**

SITI FARIDAH LEONG BT ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU)**

(MOD PENYELIDIKAN)

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan ciri-ciri insan kamil raja dan pembesar dalam teks *Sulalatus Salatin*. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kepustakaan dan menganalisis teks sebagai kaedah utama. Peristiwa-peristiwa terpilih dianalisis mengikut landasan Prinsip Kedua Teori Takmilah, iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil; dengan berfokuskan kepada pemimpin dalam *Sulalatus Salatin* berjaya memikul tanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki Islam menurut nilai-nilai akhlak Islamiah. Nilai akhlak yang dikaji ialah nilai-nilai yang wajib ada pada Rasul, iaitu sifat siddiq, amanah, fatanah dan tabligh. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti pemerintah Melaka mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik, namun apabila nafsu menguasai akal, maka ia mengganggu tindakan pemerintah dalam membuat keputusan yang betul. Kesilapan dalam memimpin yang dilakukan oleh pemerintah, seperti amalan nepotisme dan kronisme, serta bertindak secara terburuburu; telah meninggalkan kesan buruk ke atas Kesultanan Melayu Melaka. Kegagalan pemerintah dalam mentadbir telah membawa kepada kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. Kesimpulan kajian ini ialah raja-raja dan pembesar Kesultanan Melayu Melaka sebenarnya berakhhlak Islamiah yang tinggi, kerana apabila dikaji dengan Teori Takmilah, ternyata mereka memiliki sifat-sifat akhlak Islamiah, iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fatanah. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa catatan kesan dan akibat tindakan kurang berakhhlak dalam kisah-kisah teks *Sulalatus Salatin* boleh dijadikan contoh untuk menerangkan konsep akhlak kepada generasi akan datang. Kajian ini mencadangkan kajian lanjutan berdasarkan Teori Takmilah dijalankan ke atas Sultan Mahmud Syah selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka untuk menilai kepimpinannya.





THE CHARACTERISTICS OF A VIRTOUS PERSON BASED ON THE TAKMILAH THEORY AS DEPICTED IN THE *SULALATUS SALATIN*

ABSTRACT

This research aims to identify the virtuous characteristics of rulers depicted in the *Sulalatus Salatin*. This research is done through library research and text analysis as the main method. The second principle from the Takmilah Theory was applied to analyse selected events. The second principle is the Principle of Prophetic Virtues. Rulers and leaders as depicted in the *Sulalatus Salatin* was analysed as to whether they were successful in carrying out their duties according to the values as is required in Islam. These are values shown by the Prophet SAW, siddiq (just), amanah (trustworthy), fatanah (wise), and tabliqh (sharing). It is found that the majority of rulers were able to perform their royal duties well. However when they succumbed to personal desires, it hampered their clarity to make the correct decision. Mistakes made were such as the practise of nepotism and cronyism, and frequently making rash decisions ; had brought about repercussions for the Malaccan Sultanate. The failure of the rulers in governing was the downfall of the Malaccan Sultanate. These findings from the analysis done with the Takmilah Theory, show that the kings and officials during the Malaccan Sultanate indeed had high Islamic values. Implications of this research show how the cause and effect of the rulers' mistakes from *Sulalatus Salatin* could be used as examples to explain what Islamic values are to coming generations. Further study should be carried out on Sultan Mahmud Syah based on the Takmilah Theory as to clarify his abilities to rule.





KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	15
1.4	Soalan Kajian	16
1.5	Kepentingan Kajian	16
1.6	Skop Dan Batasan Kajian	20
	1.6.1 Karya <i>Sulalatus Salatin</i>	20
1.7	Kaedah Kajian	21
	1.7.1 Kaedah Kepustakaan	21





	1.7.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks	22
1.8	Teori Kajian	23
	1.8.1 Teori Takmilah	23
	1.8.2 Prinsip Kedua Teori Takmilah: Prinsip	23
1.9	Definisi Operasional	24
	1.9.1 Insan	24
	1.9.2 Insan Kamil	24
	1.9.3 Sastera Sejarah	25
	1.9.4 <i>Sulalatus Salatin</i>	29
1.10	Kesimpulan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR



2.1	Kajian Literatur Berkaitan <i>Sulalatus Salatin</i>	36
2.2	Kajian Literatur Berkaitan Teori Takmilah	45
2.3	Kajian Literatur Berkaitan Teks Sastera Sejarah Dikaji Dengan Teori Yang Lain	50
2.4	Kajian Literatur Berkaitan Teks Sastera Sejarah Yang Lain	51
2.5	Kajian Literatur Berkaitan Masalah Akhlak Masa Kini	59
2.6	Kesimpulan	62



**BAB 3****METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	65
3.1	Kaedah Kajian	66
	3.1.1 Kaedah Kepustakaan	66
	3.1.2 Kerangka Konsep	67
	3.1.3 Reka Bentuk Kajian	68
3.2	Teori Kajian	70
	3.2.1 Teori Takmilah	70
	3.2.2 Prinsip Kedua : Prinsip Kerasulan	76
	3.2.3 Prinsip Kerasulan : Sifat-sifat yang wajib ada pada Rasul	83
	3.2.3.1 Siddiq	85
	3.2.3.2 Amanah	86
	3.2.3.3 Tabligh	87
	3.2.3.4 Fatanah	88
	3.2.4 Nilai-Nilai Akhlak Islamiah Mengikut Prinsip Kerasulan	89
	3.2.5 Kerelevenan Pemilihan Prinsip Kedua Iaitu Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil	91
	3.2.6 Aplikasi Teori Takmilah : Prinsip Kedua Iaitu Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil	93
3.3	Kesimpulan	98



**BAB 4****ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	101
4.1.	Akhlik Islamiah Pemimpin Kesultanan Melayu Melaka Yang Terdapat Dalam <i>Sulalatus Salatin</i>	105
4.1.1	Parameswara-Raja Iskandar Syah	105
4.1.2	Sultan Muhammad Syah	113
4.1.3	Sultan Abu Syahid	116
4.1.4	Sultan Muzaffar Syah	116
4.1.5	Sultan Mansur Syah	127
4.1.6	Sultan Alaud'Din Riayat Syah	135
4.1.7	Sultan Mahmud Syah	141
4.1 .8	Paduka Raja Tun Perak	150
4.1 .9	Seri Nara Diraja Tun Ali	156
4.2	Menghuraikan Prinsip Akhlak Islamiah Dalam Catatan Kisah Pemimpin Kesultanan Melayu Melaka Dalam <i>Sulalatus Salatin</i> Melalui Teori Takmilah : Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil	160
4.2.1	Siddiq (Benar)	160
4.2.2	Amanah (Jujur, dapat dipercayai)	161
4.2.3	Tabligh (Menyampaikan)	162
4.2.3	Fatanah (Cerdik atau pandai, cermat dan saksama)	164
4.3	Menghubung Kait Kesan Prinsip Akhlak Islamiah Dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i> Ke Atas Corak Pemerintahan Raja-Raja Kesultanan Melayu Melaka	166
4.3.1	Sifat Siddiq Dan Amanah, Dan Kesannya Ke Atas Perkembangan Melaka Daripada Kampong Nelayan Kepada Pusat Perdagangan.	164





4.3.2 Sifat Tabligh Dan Kesannya Ke Atas Perlembagaan Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara.	168
4.3.3 Sifat Fatanah Dan Kesannya Ke Atas Perkembangan Melaka Dari Kerajaan Negara Kota Kepada Empayar Melaka	171
4.4 Kesimpulan	173

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	175
5.1 Rumusan Dapatan Kajian	176
5.2 Saranan Dan Cadangan	188
5.3 Penutup	191

RUJUKAN**LAMPIRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	68
3.2 Rangka Teori Takmilah (Shafie Abu Bakar)	73
3.3 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan	79
3.4 Aliran Aplikasi Penilaian Ciri-ciri Insan Kamil Dalam <i>Sulalatus Salatin</i> Berdasarkan Teori Takmilah Aliran	95



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Bab IV Singapura Dilanggar Todak
- B Akibat Khianat, Singapura Dialahkan Majapahit
- C Membuka Negeri Melaka
- D Peristiwa Sultan Muhammad Mengucap
- E Kedatangan Islam ke Melaka
- F Peristiwa Rampas Kuasa
- G Peristiwa Bendahara Mengambil Nyawa sendiri
- H Bab V Bakat Kebijaksanaan Tun Perak
- I Satu Cara Mengelakkan Pecah-Belah
 - J Ditolak Bumi Melaka
 - \
 - K Kitab *Duri'l-Mazlum*
- L Wasiat Sultan Mansur Syah
- M Pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah
- N Membunuhan Tanpa Memberitahu ke Melaka
- O Kisah Sultan Mahmud pergi mengaji Maklumat
- P Rahsia Pembunuhan Raja Zainal
- Q Sultan Mahmud, Sultan Ahmad Berlepas Diri
- R Melantik Orang Besar-besar Kerajaan
- S Hang Tuah Dihukum Bunuh
- T Bendahara Paduka Raja Dengan Laksamana





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.0 Pengenalan

Sastera tradisional di alam Melayu dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu bentuk lisan dan bentuk dokumentasi atau tulisan. Sastera tulisan wujud selepas sastera lisan. Kemampuan sesuatu bangsa mencatat kisah masyarakatnya dalam bentuk tulisan diterima pakai sebagai petanda ketinggian tamadun bangsa tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Mengikut kajian sejarah, sastera tulisan di alam Melayu mula sebelum abad ketujuh lagi. Penghasilan sastera tulisan pada awalnya ditulis dengan tulisan Jawi dan dihasilkan secara tulisan tangan. Bahan yang digunakan termasuklah batang resam sebagai alat menulis. Antara tokoh penulis yang awal ialah Tun Seri Lanang yang telah menghasilkan *Sulalatus Salatin* dan Raja Ali Haji yang menghasilkan *Tuhfat Al Nafis*.

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka telah dinukilkhan dalam *Sulalatus Salatin*, yang bermakna Salsilah Sultan-sultan. Teks karya ini diperakui sebagai sebuah karya agung dan dijadikan rujukan para sarjana dalam pelbagai kajian mengenai Empayar Melaka. Sehingga ke hari ini, teks ini masih dikaji memandangkan khazanah maklumat yang dikandunginya masih banyak belum diterokai.



1.1 Latar Belakang Kajian

Kejatuhan Empayar Melaka di tangan Portugis (Feringgi) pada tahun 1511 adalah satu tamparan hebat terhadap kuasa Melayu. Sebagai pusat perdagangan dan penaung di Nusantara, telah menjadi tanggungjawab pihak Melaka untuk menegaskan kembali kedaulatannya. Oleh demikian, *Sulalatus Salatin* telah ditulis untuk memenuhi fungsi psikologi ini. Tetapi jauh lebih penting, ia menjadi senjata strategi untuk kefahaman politik dan sosial pada waktu krisis pemerintahan.





Sulalatus Salatin juga dikenali sebagai Sejarah Melayu. Karya ini telah dikarang oleh Tun Sri Lanang ketika beliau menjadi Bendahara Paduka Johor bermula tahun 1580 hingga 1615. Beliau telah dilahirkan di Bukit Seluyut, Johor pada tahun 1565. Karya ini bergenre sastera sejarah yang mengandungi lima belas bab kesemuanya. Karya agung ini menceritakan tentang perihal zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga ke saat kejatuhannya. Karya ini dihasilkan agar keturunan yang akan datang dapat belajar daripada kesilapan leluhur mereka.

Kandungan teks ini telah merakamkan riak-riak penentangan masyarakat peribumi terhadap penjajah sejak awal lagi. Pengarangnya dengan cara yang amat kreatif telah menggembung teknik penceritaan yang sebaik mungkin untuk menyampaikan pesanan leluhur kepada generasi baharu. Pengarang dilihat berusaha mengembalikan imej orang Melayu sebagai bangsa yang berani, gagah dan tidak gentar untuk berhadapan dengan pihak musuh.

Walaupun karya ini berkisarkan tentang zaman pemerintahan raja-raja Kesultanan Melayu Melaka, karya ini tetap boleh dijadikan panduan hidup serta mendidik masyarakat pada hari ini. Pelbagai nilai Melayu yang tergambar dalam karya ini seperti falsafah nilai dan etika, kepimpinan, waadat, estetika, bahasa, agama dan banyak lagi. Masyarakat Melayu digambarkan sebagai masyarakat yang bijak mendidik serta mementingkan keagamaan, dan nilai estetika yang menjadi keutamaan ialah estetika dari segi adab dan adatnya, estetika dari segi retoriknya dan sebagainya. Selain





itu terdapat juga nilai Melayu yang melihat tentang etika dan kepimpinan dalam Masyarakat Melayu.

Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa *Sulalatus Salatin* ditulis atas arahan pemerintah Kesultanan Melayu terdahulu, agar generasi yang datang selepas zaman itu dapat belajar daripada kesilapan leluhur mereka, dan bangkit untuk meneruskan tradisi dan tanggungjawab yang datang bersama kuasa ketika berada atas takhta. Keturunan masa lalu dihidupkan dan dibawa ke masa kini untuk mengesahkan kedaulatan pemerintahan Melayu-Johor.

Demi memenuhi kehendak pemerintah, pengarang telah mengolah kisah serta peristiwa menjadi catatan hebat kewibawaan tokoh-tokoh pentadbiran. Hal ini jelas sebagai satu langkah mengantikan tanggapan negatif terhadap pemerintah akibat kehilangan dan kekalahan yang telah dihadapi apabila diserang oleh pihak penjajah barat.

Kepentingan *Sulalatus Salatin* telah dikupas oleh Norazimah Zakaria (2017) dalam kajiannya yang menyatakan *Sulalatus Salatin* harus menjadi “Cermin kepada cermin”, iaitu kitab utama yang akan dipetik dan diulang rujuk dalam sistem sastera tradisional Melayu. Dapatkan kajian menyatakan bahawa *Sulalatus Salatin* didapati telah dijadikan rujukan utama hikayat-hikayat Melayu selepasnya. Kandungan serta falsafah *Sulalatus Salatin* amat mempengaruhi teks-teks lain, seperti *Hikayat Melayu* yang mengisahkan kesinambungan salasilah raja-raja Melayu seperti Raja Kecil Siak.





1.2 Pernyataan Masalah

Sejak sebelum abad ke-15, masyarakat Melayu yang pada awalnya berfahaman Hindu - Buddha, dan beralih ke agama Islam, telah berjaya membina sebuah peradaban Melayu yang berpengaruh selama 1500 tahun. Malangnya keagungan ini hancur selepas dijajah oleh negara-negara Eropah selama 450 tahun.

Pihak penjajah ini bukan setakat mengaut sumber asli seperti bijih timah dan emas di negara-negara jajahan, tetapi telah mengubah corak pentadbiran dan rupa bentuk komposisi masyarakat daripada bersifat sebangsa, serumpun dan berperadaban, kepada sebuah masyarakat yang bersifat majmuk.



Sebelum kejatuhannya, Melaka menjadi rebutan kerajaan luar, serta menjadi destinasi masyarakat luar seperti dari Arab, Parsi, China, India dan sebagainya. Kepentingannya sebagai pusat perdagangan telah meningkat dengan kedudukannya yang strategik di Selat Melaka. Kedudukannya yang terletak di kawasan terlindung daripada angin monsun di tengah laluan perdagangan di antara Timur dan Barat, menjadikan Melaka satu pusat persinggahan yang cukup ideal untuk para pedagang.

Oleh itu, Melaka digelar oleh komuniti Arab sebagai “*Malakat*”, iaitu wilayah perhimpunan pedagang dan barang dagangan. Kerjasama, layanan baik dan perlindungan keselamatan yang diterima pedagang daripada pihak Sultan dan





Syahbandar telah menarik minat pedagang asing untuk terus berdagang di Melaka, sehingga ia dikenali sebagai “*Venice*” kecil.

Bermula sebagai sebuah pusat perdagangan, Melaka berkembang menjadi Empayar Kesultanan Melayu yang jajahannya tersebar luas. Kejayaan Kerajaan Melaka mencapai status ini banyak berpunca daripada kehebatan pentadbirannya. Kajian berdasarkan perspektif ini telah mengaitkan kebangkitan ini bermula sejak dari kedatangan Islam ke Melaka.

Sumbangan Islam banyak mencorakkan budaya hidup orang Melayu. Kesan penganutan Islam oleh golongan bangsawan Melayu, dan rakyat seterusnya; telah mengubah ideologi kolektif masyarakat Melayu daripada ideologi Hindu-Buddha kepada Islamik. Satu aspek utama ideologi yang dimaksudkan ialah mengenai tanggung jawab raja-raja terhadap rakyatnya.

Pada zaman Hindu - Buddha, raja-raja dianggap sebagai dewa yang perlu disembah dan ditaati sepenuhnya, iaitu konsep “Raja berkuasa Mutlak”. Kedatangan Islam telah menegaskan lagi konsep daulat dan derhaka, tetapi harus mengikut wajaran Islamik dan tidak pada prinsip ketaatan yang tegar atau membuta tuli. Institusi diraja ditafsirkan sebagai pemegang amanah dan pemerintahan raja wajib bersifat adil dan berdaulat. Gagasan waadat iaitu raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah telah menjadi prinsip utama dalam perhubungan antara pemerintah dengan yang diperintah.





Tanggungjawab pemerintah mengikut garis panduan Islam telah mengikis konsep sifat kedewaan raja, dan digantikan dengan konsep raja sebagai khalifah di dunia yang memegang tanggungjawab ketua negara. Oleh demikian, raja tidak boleh dipersoalkan atau dihukum, tetapi pemerintahannya perlu diterima adalah adil dan bertunjangkan prinsip agama Islam. Prinsip ini penting kerana ia menjadi sumber rujukan dan pangkal asas pemerintahan Kesultanan Melayu.

Berdasarkan waadat, seseorang pemerintah diberi mandat memerintah rakyat tanah jajahannya. Pemerintah atau institusi diraja kini berperanan sebagai pelindung rakyat yang bukan hanya bertanggungjawab terhadap Penciptanya, tetapi juga sebagai pemegang amanah Penciptanya di bumi. Raja yang bertakhta wajib menjalankan amanah melindungi rakyat dengan memastikan kebijakan rakyat diutamakan.

Seseorang pemerintah yang ideal perlulah bertanggungjawab dan sentiasa mengambil berat mengenai kebijakan rakyatnya. Seperti yang tercatat dalam kitab *Adab as-Salam*, seseorang raja yang adil perlu mengetahui ehwal negerinya dan peri perbuatan para menteri, hulubalang dan pekerti rakyatnya (Bukhari Al-Jauhari, 1992, hlm. : 68). Secara peribadi, seorang raja haruslah teguh dalam agamanya, mendukung keadilan, dan bijaksana dalam membuat keputusan.

Keutuhan perhubungan antara pemerintah dengan rakyat ini didasari oleh tiga ciri. Ciri yang pertama, kedaulatan raja. Ciri ini tidak hanya diukur melalui kesucian salasilah keturunannya, tetapi juga melalui keperibadiannya dan corak pentadbirannya. Faktur utama raja disanjung adalah kerana menegakkan keadilan dalam





pemerintahannya. Kedua, kepatuhan raja terhadap perintah agama. Ketiga, hubungan raja dengan golongan pembesar.

Seseorang raja dalam sistem kerajaan feudal berkuasa mutlak, namun kita tidak boleh menolak peranan institusi lain yang menyokongnya, yakni institusi pembesar dan rakyat. Kewujudan sesebuah kerajaan Melayu tidak akan berlaku tanpa dilengkapi institusi pembesar atau rakyat.

Hubungan raja dengan pembesar banyak mencorakkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Raja meletakkan kepercayaan tinggi ke atas barisan pembesarnya, berdasarkan ketetapan sifat politik dan adat resam pada zaman itu telah menentukan kedudukan raja tidak boleh dicabar oleh para pembesar. Kedudukan raja dimeterai oleh asal usul keturunan salasilah darah berdaulat. Inilah warisan perjanjian waadat iaitu prinsip kedaulatan dan kesetiaan antara raja dengan rakyat.

Hubungan erat ini asas kestabilan dan keseimbangan politik antara raja, pembesar dan rakyat. Perhubungan saling bergantung yang terhasil daripada kesetiaan rakyat kepada raja yang adil dan saksama serta pembesar yang bersifat amanah dalam menjalankan tugas mereka telah membawa kepada perkembangan Melaka daripada negara kota kepada Empayar Melayu yang agung (Azmi Arifin 2017, hlm. : 896).





Faktor utama yang mempengaruhi kestabilan politik ialah keharmonian perhubungan antara raja dengan pihak pembesar. Keharmonian ini terletak pada kewibawaan institusi kesultanan untuk memimpin dengan berkesan. Hal ini termasuklah memerintah dengan adil dan bijaksana. Empayar Melaka telah berkembang luas kerana pemerintah-pemerintahnya yang telah menerajui institusi istana dengan berjaya.

Kehadiran kuasa Barat yang telah menjajah dunia timur telah menyebabkan berlaku kemunduran daripada segi ekonomi dan politik negara-negara bekas jajahan. Dalam usaha untuk bangkit semula, masyarakat Timur telah mula mencari identiti diri daripada sejarah bangsa masing-masing.



Kajian telah dijalankan ke atas teks lama untuk mencari kembali punca kegemilangan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka sebagai satu langkah membimbang masyarakat zaman kini agar tidak mengulangi kesilapan leluhur mereka. Diharapkan rumusan kajian ini dapat membangkitkan rasa bangga ke atas kejayaan masyarakat terdahulu, dan seterusnya memupuk semangat untuk membentuk masyarakat kini yang lebih utuh.

Karya agung masyarakat Melayu iaitu *Sulalatus Salatin* telah ditulis dengan tujuan mengajar generasi baharu. Penghasilannya satu usaha untuk menjelaskan keadaan masyarakat yang wujud ketika zaman itu dan punca bagaiman terjadi kisah-kisah yang telah mencorakkan sejarah Empayar Melaka.





Perkara-perkara utama yang digambarkan termasuklah keadaan sosial, politik, budaya, ekonomi, perdagangan, hubungan diplomatik dan juga kisah masyarakat Melaka sendiri. Ini bermakna *Sulalatus Salatin* tidak hanya tertumpu pada golongan bangsawan, tetapi juga mengisahkan pelbagai peristiwa yang dilalui rakyat biasa . Keseimbangan kandungan ini yang menjadikannya satu karya yang ulung.

Ketelusan penceritaan kisah dalam *Sulalatus Salatin* mencerminkan keadaan yang sebenarnya di Melaka pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Salah satu aspek penting dalam budaya masyarakat Melayu pada zaman itu ialah kedudukan agama Islam dalam kehidupan setiap individu.



Islamik, pengajaran yang hendak disampaikan masih relevan untuk masyarakat zaman ini. Punca, kesan dan akibat setiap peristiwa yang tercatat boleh dijadikan teladan kerana sifat manusia zaman berzaman adalah sama.

Untuk memahami kepentingan peranan Islam dalam masyarakat Melayu, wajar diulas pengaruh Islam ke atas kehidupan orang Melayu. Pembudayaan semula telah berlaku apabila Melaka menerima Islam. Bermula dengan golongan istana, Islam telah tersebar ke seluruh pelosok Empayar Melaka. Agama Islam yang menekankan kepentingan ilmu, telah dipelajari, disebarluaskan dan dijadikan landasan undang-undang pentadbiran. Ajaran Islam telah membentuk masyarakat Melayu menjadi masyarakat progresif dan dinamik.





Satu faktor utama bagaimana kemakmuran terpelihara di Melaka ialah pihak pemerintah Kesultanan Melayu Melaka telah mengamalkan pentadbiran mengikut hukum Islam. Pemerintahan bercorak Islam telah dijalankan sejak pemerintahan Sultan Melaka yang ke tiga, iaitu Sultan Muzaffar Syah (Raja Kassim). Baginda telah menggubal undang-undang berlandaskan ajaran Islam pada zaman pemerintahannya. Pelaksanaan undang-undang Islam dalam perundangan Kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat dalam Hukum Kanun dan Undang-undang Laut Melaka (Mohd Jamil Mukmin, 2014, hlm.:158). Undang-undang ini telah disusun untuk tiga matlamat, iaitu untuk menjaga hak serta kepentingan raja-raja; untuk mengekalkan beberapa amalan tradisi serta aspek ajaran Agama Islam; dan menentukan bidang kuasa dan tanggung jawab rakyat, pelaksana-pelaksana undang-undang dan raja-raja.



Pelaksanaan undang-undang ini telah memberikan raja-raja kuasa mutlak iaitu kuasa tidak bersyarat atau berbatas. Berbekalkan kuasa dan mandat ini, Kesultanan Melayu Melaka telah berjaya membina empayar unggul yang menguasai politik, ekonomi dan pengaruh budaya serantau selama 200 tahun. Pada masa yang sama, pemerintahan Islamik ini telah memanfaatkan rakyat dari segi penjagaan kebajikan sebagaimana yang dituntut dalam Islam.

Pengaruh Islam dalam masyarakat Melaka telah membawa pelbagai perubahan dalam masyarakat Melaka; seperti pengaruh ke atas kesejahteraan masyarakat iaitu keadilan sosial, hak saksama semua rakyat, serta penyebaran nilai-nilai akhlak Islamik. Kesan ini dalam dilihat dalam bidang ekonomi, di mana pelaksanaan sistem kutipan dan





pengagihan zakat telah meningkatkan ekonomi rakyat. Sistem ini telah menghapuskan riba dan mengeratkan pertalian persaudaraan dalam kalangan masyarakat.

Perkembangan ekonomi banyak dipengaruhi kehadiran pedagang dari Timur Tengah. Kehadiran pedagang Islam telah meningkatkan perdagangan Melaka. Namun kehadiran mereka bukan sekadar kerana perniagaan tetapi juga atas dasar menyebarkan ilmu. Masyarakat pada ketika itu telah digalakkan untuk menuntut ilmu dan menyebarkannya. Ini membawa kepada pembentukan masyarakat Melaka yang tinggi taraf inteleknya.

Pengaruh Islam yang tidak boleh dipandang ringan dalam peningkatan ilmu pengetahuan. Penyebaran kemahiran menulis dan membaca dalam masyarakat Nusantara pada awalnya hanya di dalam kalangan golongan istana atau bangsawan. Keperluan untuk semua umat Islam wajib tahu membaca Al-Quran telah membawa kepada penyebaran kemahiran membaca dalam kalangan rakyat biasa.

Pengaruh Islam iaitu pengaruh abjad Arab dalam bahasa dan kesusastraan telah membawa kepada kewujudan tulisan Jawi. Hasil penyebaran tulisan Jawi ini membawa kepada penulisan kitab-kitab pengetahuan Islam seperti ilmu pengetahuan agama, hikayat-hikayat, kitab-kitab perundangan dan juga sejarah. Pengaruh ilmu Islamik juga dapat dilihat dalam perkembangan bidang kesenian seperti seni bina, kaligrafi dan seni halus.





Segala maklumat ini telah diperoleh daripada catatan dalam teks *Sulalatus Salatin*. Pengisahan dalam *Sulalatus Salatin* telah digarap dengan begitu halus dan indah. Dari sudut sastera, *Sulalatus Salatin* diiktiraf sebagai ensiklopedia ilmu, yang mendokumentasikan pengalaman dan cita-cita sesuatu bangsa, iaitu bangsa Melayu. Cita-cita bangsa yang didukung telah berjaya direalisasikan oleh beberapa raja-raja Kesultanan Melayu Melaka dalam zaman pemerintahannya dengan jayanya. Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi empayar dan pusat Islam yang gemilang selama dua abad.

Pada catatan mukadimah *Sulalatus Salatin*, Tun Seri Lanang menegaskan bahawa penghasilan kitab ini adalah untuk mendidik generasi akan datang agar tidak mengulangi kesilapan pemerintah kesultanan ini. Kesilapan yang dimaksudkan ialah kelalaian sultan dan pihak istana menunaikan tanggungjawab menjalankan pemerintahan, sehingga membawa kepada kejatuhan Empayar Melaka.

Kajian perlu dilakukan untuk menilai kepentingan seorang pemerintah dalam mewujudkan negara yang hebat. Dengan mengimbau ketokohan raja-raja Melayu semasa zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, dan juga kaitan kewibawaan mereka dengan agama Islam, adalah diharapkan kajian ini dapat memberi kerangka teladan untuk pemimpin-pemimpin zaman ini.





Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui sama ada akhlak seseorang pemimpin itu mempengaruhi kewibawaannya dalam memerintah, yakni sama ada akhlak positif menjadi pemangkin kesan positif dalam pemerintahan, dan sama ada peribadi negatif menjadi punca masalah yang membawa kepada kesan negatif dalam negara. Dapatan kajian akan dianalisis untuk dijadikan buah fikiran bakal pemimpin daripada golongan generasi baharu.

Kajian ini juga dilakukan untuk melihat sama ada kisah yang dicatatkan dalam *Sulalatus Salatin* dapat dijadikan medium pengajaran konsep akhlak yang agak abstrak kepada generasi muda. Kajian ini akan mengupas watak pemerintah dan pemimpin dalam *Sulalatus Salatin* untuk menentukan adakah perilaku mereka dapat dijadikan



Sulalatus Salatin mengandungi tatacara membentuk seorang pemimpin, ia sarat dengan ilmu kepimpinan dan ilmu lain yang berkaitan seperti pentadbiran. Teks ini juga membimbang dengan pesanan serta memberi contoh nilai yang khusus dimiliki oleh sesuatu masyarakat tertentu.

Garis panduan kepimpinan wajar dirujuki sebagai langkah pertama dalam menilai corak kepimpinan seseorang pemerintah. Terdapat pelbagai teori kepimpinan, bermula dengan teori yang berasal dari zaman Yunani sehingga yang terbentuk daripada ajaran Al-Quran. Garis panduan kepemimpinan Islam-Melayu yang dianggap tertua ialah yang dicungkil daripada *Hikayat Raja-raja Pasai*, diikuti *Taj Us-Salatin*





oleh Bukhari Al-Jauhari, *Bustan al-Salatdin* oleh al-Raniri, dan daripada *Sulalatus Salatin* itu sendiri.

Tun Sri Lanang telah mengolah kisah kepimpinan Melayu-Islam dalam *Sulalatus Salatin* secara halus sebagai pengisahan peristiwa masyarakat Melayu Melaka. Pengisahan ini secara langsung menceritakan keperibadian sultan-sultan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka itu sendiri. Melalui penelitian terhadap kisah-kisah ini, kita dapat menilai sama ada sultan-sultan tersebut berjaya memikul tanggungjawab memimpin sepertimana yang dikehendaki ke atas seorang insan kamil.



1.3 Objektif Kajian



Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian, antaranya ialah :

- 1.3.1 Mengenal pasti akhlak pemimpin Kesultanan Melayu Melaka yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin* melalui Teori Takmilah.
- 1.3.2 Menghuraikan prinsip akhlak islamiah dalam catatan kisah pemimpin Kesultanan Melayu Melaka dalam *Sulalatus Salatin* melalui Prinsip Kedua Teori Takmilah iaitu Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil.
- 1.3.3 Menghubung kait kesan prinsip akhlak Islamiah dalam teks *Sulalatus Salatin* ke atas corak pemerintahan raja-raja Kesultanan Melayu Melaka.





1.4 Soalan kajian :

- 1.4.1 Bagaimanakah akhlak Islamiah pemimpin Kesultanan Melayu Melaka yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin* mengikut Teori Takmilah?
- 1.4.2 Adakah prinsip akhlak Islamiah dalam catatan kisah pemimpin Kesultanan Melayu Melaka dalam *Sulalatus Salatin* dapat diuraikan melalui Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Teori Takmilah?
- 1.4.3 Apakah kesan prinsip akhlak islamiah dalam catatan kisah pemimpin Kesultanan Melayu Melaka dalam *Sulalatus Salatin* ke atas corak pemerintahan raja-raja Kesultanan Melayu Melaka?



1.5 Kepentingan kajian

Naskhah Melayu mengandungi nilai dan falsafah insan kamil yang relevan sepanjang zaman. Orang Melayu harus menilai semula Sulalatus Salatin dalam konteks kehidupan masa kini, mengambil pengajaran moral dan sebagainya. Nilai-nilai mulia tersebut masih perlu diajar kepada generasi muda masa kini.





Pada zaman pascamodenisme ini, masyarakat menghadapi dilema identiti. Penyerapan budaya asing banyak mencemari identiti budaya bangsa Melayu. Perlu ada kesedaran untuk menghargai budaya asal yang diwarisi turun-temurun. Untuk mencetuskan kesedaran ini, haruslah dikaji lambang identiti atau ikon bangsa Melayu ini iaitu raja-raja Melayu. Raja-raja Melayu yang diangkat sebagai ikon bangsa Melayu perlulah ada keistimewaan yang meletakkan mereka pada satu strata yang lebih tinggi daripada masyarakat kebanyakan atau marhaen. Ini membawa kepada pentingnya raja-raja terdiri daripada insan kamil yang harus dihormati.

Insan yang berkualiti perlu seimbang dari segi intelek, emosi, dan kerohanian. Ia sinonim dengan cerita-cerita rakyat yang amat erat dengan pandangan dunia, budaya, kepercayaan pegangan pemikiran, falsafah dan menggambarkan keseluruhan cara hidup masyarakat (Roslina Bakar, 2014, hlm. xi). Hasil daripada analisa teks yang dilakukan, generasi muda akan dapat mengenal catatan sejarah budaya sendiri dengan lebih dekat. Bermula dari situ, mereka akan dapat mengetahui apakah mesej yang hendak disampaikan generasi tua melalui catatan kisah sastera sejarah.

Perkara penting yang perlu diambil kira ialah pesanan awal dalam mukadimah *Sulalatus Salatin*, yang mana dinyatakan karya tersebut dihasilkan untuk menjadi pengajaran kepada generasi muda selepasnya. Karya agung ini perlu dibaca sebagai satu karya metafizikal, iaitu kandungannya ditulis secara menyampaikan mesej yang tersirat dalam catatan peristiwa. *Sulalatus Salatin* dibaca bukan sebagai cermin yang memantulkan satu imej atau kaca bersifat lutsinar tetapi sebagai mutiara yang walaupun





putih dan bersinar tetapi agak legap dan penuh rahsia, iaitu pembaca perlu menilai peristiwa dan mengambil iktibar daripada pengajaran yang hendak disampaikan. (Noriah Taslim, 2006, hlm. 25).

Generasi muda perlu dibimbing untuk melaksana tanggungjawab berperibadi mulia dari umur yang rendah lagi. Nilai-nilai murni ialah perkara yang begitu rumit untuk dijelaskan. Unsur intrinsik yang menjadi asas nilai-nilai murni ialah hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam sekitarnya, dan hubungan manusia dengan diri sendiri. Semua ini meliputi sifat bersikap jujur, bertanggungjawab, bersikap sabar, tabah, banyak akal dan tidak putus asa, berbudi pekerti, teguh pendirian serta berani dan tulus (Alisyah Nurul Hanafiah, 2013, hlm. 4).

Rakyat Malaysia tidak kurang bijak dan tidak kurang berjaya daripada negara maju yang lain. Namun tanpa semangat patriotik tinggi dalam kalangan rakyat berbilang kaum, perancangan kerajaan untuk membina negara ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang bagi mencapai status Negara Maju 2020 mungkin sukar dicapai (Muhammad Yusof Hashim, 2006, hlm. 20).





Generasi muda kini menghadapi kesukaran mencari contoh yang wajar untuk dijadikan panduan hidup, dan kerap dipengaruhi budaya asing. Kesan pengaruh asing ini menjadikan generasi muda menghadapi kekeliruan mengenai apakah garis panduan akhlak yang sewajarnya. Ini membawa kepada perlunya mengkaji semula kegemilangan dan kecemerlangan dahulu untuk mencari jawapan kepada apakah garis panduan akhlak Islam.

Kerajaan Melaka diasaskan oleh kesultanan yang taat kepada ajaran Islam. Kepimpinan kerajaan yang berpegang kepada Islam telah membina satu kerajaan yang gemilang dan cemerlang. Kisah Melaka boleh dijadikan panduan generasi akan datang untuk memenuhi hasrat pembinaan bangsa Malaysia. Kajian ini akan meneliti peristiwa-peristiwa yang tercatat dalam *Sulalatus Salatin* untuk mengkaji tindakan pemimpin-pemimpin terdahulu. Tindakan mereka akan dianalisis dengan Teori Takmilah untuk menilai akhlak mereka. Seterusnya, hasil kajian ini akan digunakan mengaitkan akhlak pemimpin dan kesan kepimpinan tersebut ke atas Kerajaan Melaka. Seterusnya, hasil kajian ini akan menilai sama ada kisah-kisah pemimpin dalam *Sulalatus Salatin* boleh dijadikan garis panduan contoh akhlak untuk diikuti.





1.6 Skop dan Batasan Kajian

1.6.1 Karya *Sulalatus Salatin*

Kajian ini akan bertumpu kepada karya *Sulalatus Salatin* : Sejarah Melayu (Edisi Pelajar) yang diselenggarakan oleh A.Samad Ahmad; dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa Pustaka pada tahun 1997.

Versi *Sulalatus Salatin* ini dipilih atas dasar ia diolah dengan tiada diskriminasi atau pandangan negatif terhadap penulisan karya ini, Versi ini juga versi terbitan *Sulalatus Salatin* yang terkini. Judul *Sulalatus Salatin* digunakan kerana judul ini adalah judul asal teks *Sejarah Melayu – The Malay Annals*. Versi ini telah menunjukkan beberapa kelainan yang jelas dan ia lebih mendekati karya asal sekiranya dibandingkan dengan versi-versi yang sedia ada iaitu Shellabear, Abdullah Munsyi, Winstedt atau pun Raffles.

Kelainan versi ini disebabkan teks asal *Sulalatus Salatin* telah ditransliterasikan dengan lebih tepat oleh A. Samad Ahmad. Beliau memahami kiasan serta lenggok bahasa Melayu secara menyeluruh, berbanding para penterjemah dan pengedit yang terdiri daripada sarjana-sarjana Barat yang diakui bukan penutur asli bahasa Melayu





maka kurang mendalam pengetahuan mereka dalam bahasa Melayu. Tidak dapat dinafikan terdapat kemungkinan berlaku penyelewengan yang didorong oleh sebab-sebab politik penjajah. Sebagaimana kita sekarang sebagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat, ingin membuat tafsiran sejarah dari kepentingan dan kaca mata kita sendiri. (*Sulalatus Salatin*, A. Samad Ahmad, 1997, hlm. v).

1.7 Kaedah Kajian

1.7.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini akan dijalankan secara kajian kepustakaan. Pencarian maklumat dilakukan daripada bahan terbitan seperti buku, rencana jurnal, hasil pembentangan seminar, serta laporan pengkaji lain. Hasil dapatan daripada bahan-bahan literatur ini akan dijadikan kerangka kajian lanjutan. Kajian kepustakaan dijalankan melalui beberapa proses yang utama, iaitu menganalisis kandungan, membanding dan membeza maklumat, menilai, dan membuat kesimpulan.

Kaedah kajian ini melalui beberapa proses, bermula dengan mencari persamaan dan perbezaan maklumat berdasarkan kriteria-kriteria yang dikenal pasti. Dapatan maklumat dianalisis untuk menghuraikannya kepada bahagian-bahagian kecil untuk memahami makna yang tersirat, konsep atau kejadian peristiwa. Proses seterusnya ialah maklumat yang diperoleh akan dinilai kelemahan atau kebaikan berdasarkan dalil atau





bukti yang benar. Keputusan ini akan digunakan untuk menerima atau menolak pernyataan yang dihasilkan. Segala idea yang dikumpulkan akan digunakan untuk membuat kesimpulan mengenai hasil kajian. Proses seterusnya ialah dengan penggabungan beberapa perkara berasingan, maklumat pelbagai unsur dan idea-idea untuk menghasilkan satu gambaran yang menyeluruh dalam penulisan yang baharu.

1.7.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks

Kajian ini akan dijalankan menggunakan Prinsip Kedua Teori Takmilah iaitu Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil. Teks *Sulalatus Salatin* diteliti secara menyeluruh bagi mengesan serta meneliti unsur-unsur yang dapat mengangkat kepimpinan yang terdapat di dalamnya. Usaha untuk mengesani unsur kepimpinan ini dilihat melalui aspek pengisahan peristiwa.

Sehubungan itu, kajian ini akan mengungkai unsur tanggungjawab pemerintah Kesultanan Melayu Melaka menerusi analisis kesan tindakannya dalam beberapa peristiwa penting. Hasil analisis ini akan diambil untuk dijadikan kerangka konseptual kajian, iaitu analisis terarah untuk melihat bentuk-bentuk pelaksanaan tanggungjawab pemerintah seperti mana dicatat oleh pengarang silam Melayu. Ini adalah kerana catatan pengarang silam Melayu lumrahnya menggambarkan hasrat dan harapan rakyat Melaka terhadap raja-raja mereka.





1.8 Teori Kajian

1.8.1 Teori Takmilah

Perkataan Takmilah terhasil daripada istilah Arab yang bermaksud kesempurnaan, iaitu terhasil daripada kata akar Kamal yang bermaksud sempurna. Takmilah membawa makna menyempurnakan sesuatu. Kesenian melalui sifat Kalal, Kamal dan Jamal iaitu sifat-sifat keindahan Allah S.W. T. Teori Takmilah melihat segala kejadian dan peristiwa itu indah, sama ada sesuatu yang menggembirakan atau menyedihkan; semuanya ada keindahannya.



1.8.2 Prinsip Kedua Teori Takmilah : Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil

Prinsip ini diasaskan atas sifat kesempurnaan yang terdapat pada Nabi Muhammad SAW iaitu Rasulullah memiliki konsep-konsep ideal iaitu insan kamil, insan Rabbani dan insan khalifah.





1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Insan

Insan ditakrifkan sebagai seseorang yang sempurna daripada noda. Insan telah disebut di dalam al-Quran dan ia merujuk kepada seseorang yang telah dikurniakan ilmu. Ia juga dihubung kait dengan keistimewaan seseorang yang diamanahkan tanggung jawab sebagai pemimpin atau seorang khalifah.

1.9.2 Insan Kamil



Perkataan kamil berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud sempurna. Oleh demikian, insan kamil bermaksud seseorang manusia yang bebas daripada noda dan sempurna sifatnya.

Contoh seseorang yang sempurna sifatnya ialah seseorang yang mampu menggunakan akalnya untuk menilai perkara yang baik dan buruk. Seseorang insan kamil juga berusaha untuk menghindari keburukan dan berusaha menjadi individu yang terbaik.

Setiap insan kamil dalam usaha menjadi individu yang terbaik, akan menggunakan akalnya untuk memikirkan cara terbaik untuk meningkatkan





kerohaniannya. Insan itu akan berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan menjaga akhlaknya. Pada masa yang sama, seseorang insan kamil akan memastikan dia berjiwa seimbang, iaitu dia tidak meninggalkan akhirat untuk dunia atau sebaliknya.

1.9.3 Sastera Sejarah

Sastera sejarah atau historiografi dianggap sebagai suatu genre baharu dari dalam sastera Melayu tradisional. Karya genre ini muncul sejak abad ke-14 iaitu selepas kedatangan Islam ke rantau Nusantara. Kedatangan Islam telah membawa budaya pendidikan untuk semua ke rantau Nusantara. Tuntutan agar setiap umat Islam mampu membaca kitab suci *Al-Quran* telah membawa kepada rakyat marhaen belajar membaca dan mengaji. Perkembangan ilmu telah membawa kepada pembentukan dan penyebaran sistem tulisan berasaskan Bahasa Melayu iaitu tulisan Jawi; yang diadaptasi daripada bahasa Arab. Ini juga membawa kepada perluasan ilmu membaca. Secara langsung masyarakat mulai menghasilkan karya sastera untuk khalayak masyarakat tempatan.

Sastera sejarah diertikan sebagai karya yang dicipta untuk keperluan raja. Isi kandungannya mengandungi mitos atau dongeng, legenda dan juga catatan sejarah yang sebenarnya. Sastera sejarah menggabungkan unsur-unsur ini untuk mendokumentasikan kegemilangan sesebuah kerajaan. Kandungannya terakam perihal





keadaan peristiwa politik yang boleh dijadikan panduan dan pedoman untuk masyarakat kini.

Sastera sejarah ditulis untuk dua perkara utama. Pertama, sebagai sebuah karya yang mengesahkan kuasa dan kedudukan golongan pemerintah melalui pelbagai cara. Karya ini mencatatkan bukti permulaan keturunan bangsa Melayu serta citra peradaban, sistem beraja dan politik, keadaan sosiobudaya, serta anutan dan kepercayaan agama orang Melayu ketika itu (Abdul Halim Ali & Norazimah Zakaria, 2017, hlm. 3).

Sastera ini berkembang pesat di istana-istana, menjadikannya sastera istana. Ini membawa kepada tujuan kedua karya ini dihasilkan, iaitu untuk memberi pengabsahan kepada golongan bangsawan atau pemerintah. Catatannya mengandungi maklumat yang memastikan kewujudan serta kelangsungan taat setia rakyat terhadap golongan raja; di samping mengisahkan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah (Norazimah Zakaria, 2016, hlm. 16)

Teks sastera sejarah secara menyeluruh mempunyai beberapa ciri yang sama iaitu mengisahkan asal-usul leluhur raja, jurai salasilah sesebuah kerajaan, mencatat kisah pemerintahan negeri yang diperintah, menceritakan bagaimana agama Islam mula tiba di negeri tersebut, dan sastera sejarah juga menceritakan keadaan negeri tersebut pada peringkat akhirnya.





Raja-raja yang memerintah tidak dianggap menerima hak memerintah secara semula jadi, tetapi diperoleh atas dasar warisan kewajaran keturunan. Oleh demikian, salasilah atau genealogi ialah kandungan utama dalam sastera sejarah. Kesinambungan juraian salasilah dianggap sebagai dokumentasi sebab musabab hak pemerintahan sesebuah dinasti (Noriah Taslim, 2006, hlm. 177).

Sastera sejarah juga memberi sumbangan ke arah membina identiti bangsa. Catatannya melukiskan latar belakang kewujudan kewujudan sesebuah negara yang membanggakan, iaitu masyarakat silam yang menjadi leluhur masyarakat kini asalnya adalah sebuah masyarakat yang mempunyai peradaban yang tinggi serta berundang-undang. Di sini letaknya kepentingan catatan adat istiadat sebagai cerminan ketinggian budaya dan pemikiran masyarakat lama. Ini melambangkan bahawa masyarakat terdahulu sebuah masyarakat yang mempunyai sistem pemerintahan yang bertamadun.

Sastera sejarah juga mencatatkan bagaimana sistem perundangan terbentuk daripada etika istana. Sistem feudal telah diperhalusi dengan penyusunan perlembagaan intelektual yang berdasarkan Islam. Pengaruh ajaran agama Islam telah mencetuskan perkembangan intelektual iaitu dorongan mencari ilmu dan kebebasan berfikir. Pembentukan masyarakat berilmu tinggi telah disuburkan oleh tradisi dan literasi Islam sehingga melahirkan genre sastera sejarah ini.





Terdapat banyak kisah yang dijadikan kiasan dan sindiran secara simbolik mengenai penilaian pemerintah. Raja-raja tidak dilihat sebagai makhluk sempurna, tetapi sebagai insan biasa yang walaupun dikurniakan keistimewaan, mereka masih mempunyai kelemahan dan kekuatan. Catatan menunjukkan raja yang lemah ialah raja yang membiarkan nafsu menguasai akal mereka. Ini membawa kepada kehilangan kedaulatan dan kewibawaan sebagai pemerintah dan seterusnya membawa kepada keruntuhan kerajaan.

Secara ringkas, sastera sejarah ditulis untuk memberi pengajaran dan faedah dari segi maklumat dan pengalaman (Harun Mat Piah et. al., 2000, hlm. 290). Sastera sejarah mengemukakan peristiwa yang berlaku di tempat dan tokoh tertentu yang dikenali. Walaupun kandungan sastera sejarah atau historiografi didapati bercampur aduk dengan unsur-unsur bukan sejarah seperti mitos, legenda dan unsur-unsur khayalan, dan tidak berpegang pada ketepatan masa; namun sastera genre ini tetap menjadi sumber maklumat utama untuk mengkaji sejarah bangsa yang menghasilkannya.

Secara langsung sastera sejarah memberi sumbangan ke arah membina satu identiti bangsa. Antara teks sastera sejarah yang dihasilkan termasuklah *Sulalatus Salatin* yang mengisahkan perihal Kesultanan Melayu Melaka, *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menceritakan perihal Kerajaan Kedah, *Tuhfat Al-Nafis* dan *Silsilah Raja-raja Melayu dan Bugis* yang berkenaan Kerajaan Johor, dan *Hikayat Siak* yang disebut sebagai kesinambungan kisah Kerajaan Melaka.





1.9.4 *Sulalatus Salatin*

“Syahadan boleh faedahlah mereka itu daripadanya...”

Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu ialah hasil sastera yang mencatat maklumat peristiwa-peristiwa yang berlaku di Alam Melayu. Kejadian peristiwa-peristiwa ini meliputi jangka masa melebih enam ratus tahun. Antara maklumat penting yang tercatat ialah salasilah dan hal pentadbiran pemerintah Kesultanan Melayu Melaka. Menurut Muhammad Yusof Hashim (1989, hlm. xxiii), telah terdapat satu resensi terawal teks ini pada tahun 1536. Kewujudan teks ini telah membuktikan wujudnya sebuah kerajaan atau kesultanan Melayu di persisiran pantai barat Semenanjung Tanah Melayu.



Teks *Sulalatus Salatin* pada awalnya tidak terdapat di Istana Johor. Sebuah naskhah telah disimpan di Gowa dan dipercayai diarahkan dibawa ke Batu Sawar Dar al-Salam, ibu negeri Johor ketika itu atas perintah Tuanku Muda Johor pada tahun 1612, iaitu Yang Dipertuan Di Hilir Raja Abdullah (Raja Bungsu). Gelaran rasmi baginda kemudiannya Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdullah Mu'ayat Syah Ibni Sultan Abdul Jalil Syah. (Muhammad Salleh, 2009, hlm. xiii).

Batu Sawar telah diserang dan dikuasai oleh pihak Aceh; menyebabkan Sultan Abdullah serta seluruh isi istana ditangkap dan dibuang negeri ke Aceh. Peristiwa ini telah menyedarkan baginda terhadap kepentingan untuk mendokumentasikan kisah leluhur baginda.





Sultan Abdullah menitahkan Seri Nara Wangsa Tun Bambang (Tun Bambang) bersama Orang Kaya Sogoh dari Goa untuk berunding dengan Bendahara Paduka Tun Muhammad atau juga dikenali sebagai Tun Seri Lanang. Tun Seri Lanang telah dititahkan untuk menuliskan *Sulalatus Salatin* “agar diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu; syahadan beroleh faedahlah mereka itu daripadanya.” (*Sulalatus Salatin*, A. Samad Ahmad, 1997, hlm. 3).

Versi asal *Sulalatus Salatin* ditulis ketika pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Manuskrip asal telah ditulis dalam Bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi lama. Manuskrip ini telah dibawa bersama pihak istana ketika Duli Maha Mulia Sultan Mahmud Syah berundur dari Melaka akibat serangan pihak Portugis pada 1511 Masihi. Naskhah asal ini dibawa dari Kampar ke Johor pada 1528 Masihi. Pada 1536 Masihi, apabila Johor lama diserang, pihak Portugis telah merampas naskhah ini. Kemudiannya, ia telah dipulangkan oleh Orang Kaya Sagoh. Isi kandungan karya ini antaranya meliputi permulaan Kerajaan Melaka, hubungannya dengan kerajaan-kerajaan berhampiran; ketibaan dan penyebaran Agama Islam di rantau Nusantara; sejarah dan salasilah jurai keturunan Kesultanan Melaka, dan juga sejarah pemerintahan Kerajaan Melaka berserta kerajaan-kerajaan susulannya.





Sulalatus Salatin menjadi sumber maklumat utama sistem pemerintahan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Khazanah maklumat seperti ini yang mewajarkan kajian ke atas *Sulalatus Salatin* untuk mengumpulkan maklumat dan pesanan warisan leluhur masyarakat Melayu terdahulu. *Sulalatus Salatin* telah mendokumentasikan perkembangan Kesultanan Melayu Melaka bermula dari era penubuhannya, perkembangannya sehingga kejatuhannya.

Karya ini menekankan seseorang pemerintah memainkan peranan penting dalam kesinambungan kegemilangan sesebuah kerajaan. Oleh demikian, seseorang pemerintah wajib menegakkan keadilan dan membuat keputusan dengan bijaksana. Ketiadaan elemen-elemen ini akan mencetuskan permulaan kepincangan pentadbiran. Hasad dengki, penderhakaan, rasuah, provokasi dan tidak patuh perintah adalah antara faktor yang meruntuhkan Kesultanan Melayu Melaka.

Sulalatus Salatin telah mendokumentasikan kecemerlangan bangsa Melayu dengan baik. Faktor ini yang menyebabkan karya ini dijadikan bahan kajian utama pihak pengkaji Barat untuk lebih mengenali bangsa Melayu. Sebagai karya tradisional, *Sulalatus Salatin* mengandungi catatan sejarah, budaya dan politik, yang dituliskan dalam bentuk mitos dan legenda. Sehingga ke hari ini, telah banyak kajian yang dijalankan ke atas *Sulalatus Salatin*, namun khazanah ilmu dan maklumat yang dikandungnya masih tersirat dalam catatan mitos dan legenda. Oleh demikian, karya *Sulalatus Salatin* harus diselidiki lebih dalam lagi .





1.10 Kesimpulan

Kajian ini bertumpu atas golongan yang menerajui tumpuk pemerintahan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pihak istana terutamanya raja-raja Melayu diukur dengan prinsip kedua Teori Takmilah, iaitu Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil.

Kandungan *Sulalatus Salatin* ditulis oleh golongan istana untuk menceritakan keadaan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Keadaan yang digambarkan termasuklah keadaan kehidupan masyarakat Melayu Melaka, terutamanya tonggak masyarakat iaitu golongan raja-raja. Karya ini memaparkan kerajaan Melaka yang gemilang dan mempunyai sistem pemerintahan serta rangka ketatanegaraan yang teratur dan tersendiri.

Kandungan karya agung ini wajar diteliti untuk mengetahui asas dan asal kejayaan pihak pemerintah sehingga kerajaan Kesultanan Melayu Melaka disanjung kerana kegemilangannya. Maklumat ini perlu dijadikan contoh untuk pemimpin masa kini. Begitu juga dengan kesilapan mereka, ia perlu dijadikan pengajaran kepada generasi hari ini. (Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid, 2017, hlm. 12)

Peranan pemerintah dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sebagai seorang khalifah perlu dikaji demi kepentingannya untuk masyarakat kini. Tujuan penulisan *Sulalatus Salatin* telah dinyatakan pada mukadimah *Sulalatus Salatin*,





bahawa peristiwa-peristiwa dicatatkan agar ianya menjadi pengajaran kepada generasi yang akan datang. Catatan ini telah menyokong bahawa kewibawaan raja terletak pada intelektualisme kepimpinan dan keperibadian mereka. Keistimewaan personaliti raja, dengan disokong perjanjian waadat, telah menjadi teras pemerintahan kerajaan.

Kesan kedatangan Islam amat mempengaruhi, terutamanya dalam pembentukan masyarakat baharu di kawasan Nusantara, yang mengubah identiti menjadi Melayu. Sumbangan Islam yang mengubah kedudukan identiti Melayu yang pada mulanya terikat pada golongan raja, menjadi identiti masyarakat umum. Islam telah menyumbang kepada pembangunan intelektual kumpulan etnik yang mengenalkan diri mereka sebagai Melayu itu. Pegangan masyarakat Melayu kepada Islam inilah yang meletakkan kayu ukur bahawa Melayu itu mestilah seorang Muslim.



Islam telah membawa perubahan dalam banyak aspek. Dalam aspek perundangan, undang-undang telah digubal mengikut undang-undang Islam. Dalam aspek sosial, Islam telah membawa keadilan dalam bentuk hak saksama dan juga kehidupan mengikut akhlak Islamiah. Dalam aspek ekonomi, sistem perdagangan amalan berniaga tanpa riba yang dibawa pedagang Islam telah meningkatkan taraf sosio-ekonomi. Kutipan dan pengagihan semula zakat telah meningkatkan persaudaraan Islam. Dalam aspek budaya, pengaruh Islam dapat dilihat dalam seni bina bangunan, seni kaligrafi, seni tampak dan muzik.





Pengaruh yang berkait dengan kajian ini ialah dalam aspek ilmu pengetahuan, iaitu pengaruh ke atas bahasa dan kesusasteraan. Penggunaan abjad Arab telah membawa kepada pembentukan dan penggunaan tulisan Jawi dalam urusan surat-menurut serta penulisan-penulisan ilmu pengetahuan Islam. Antara yang tergolong dalam ilmu pengetahuan agama termasuklah kitab tafsir hadis, kitab fiqah, kitab tasawuf dan sebagainya. Pengaruh ke atas kesusasteraan melihatkan penghasilan hikayat-hikayat dan juga karya-karya lain seperti karya historiografi (Mohd Jamil Mukmin, 2014, hlm. 61).

Waadat yang dimeterai antara pemerintah dengan rakyat ialah dasar pemerintahan seseorang raja yang mengakui dirinya Muslim. Islam menjadi dasar kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Tanggungjawab seorang pemerintah Muslim ialah dia wajib memastikan kesejahteraan rakyatnya. Persoalan yang perlu dikaji ialah adakah pihak raja berjaya menunaikan tanggungjawab sebagaimana yang diwajibkan ke atas seorang khalifah. Oleh demikian, wajar sekiranya kajian ini dijalankan berlandaskan teori islamik iaitu Teori Takmilah.

